

Terma dan Syarat - Harum Listerine

TERMA DAN SYARAT

Peraduan Listerine Harum Meter 2018 akan bermula pada jam 00:00, 1 Mei 2018 sampai jam 23:59, 29 Mei 2018 ("Tempoh Peraduan"). Pihak Penganjur berhak untuk memendekkan atau melanjutkan Tempoh Peraduan tanpa memberi sebarang notis terlebih dahulu. Semua penyertaan yang diterima di luar Tempoh Peraduan akan dibatalkan dan tidak layak untuk dipertimbangkan untuk hadiah.

Peraduan ini tertakluk kepada syarat dan peraturan berikut dan para peserta bersetuju bahawa mereka telah membaca dan memahami terma dan syarat tersebut dan akan terikat kepadanya. Penyertaan adalah secara sukarela sepenuhnya.

Penganjur Peraduan ini ialah Johnson & Johnson Sdn. Bhd., dengan pejabat berdaftar beralamat di Level 8, The Pinnacle, Persiaran Lagoon, Bandar Sunway, Petaling Jaya, 46050 Selangor DE, Malaysia ("Penganjur").

Peraduan ini terbuka kepada semua rakyat Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas (pada 1 Mei 2018). Peraduan ini tidak terbuka kepada kakitangan Penganjur dan ahli-ahli keluarga terdekat mereka, termasuk syarikat-syarikat gabungan dan/atau berkaitan, penganjur-penganjur, agensi-agensi pengiklanan pihak Penganjur.

Mengenai Peraduan Ini

Peraduan Listerine® Harum Meter 2018 memberi peluang kepada semua orang untuk menyebarkan kata-kata harum sepanjang hari. Lafazkan dan rakam ayat-ayat harum yang dipaparkan pada halaman microsite HarumMeter.com dalam 10 saat. Rakaman hendaklah dibuat dalam bentuk yang paling kreatif (menyanyi, berpuisi dan lain-lain). Kekreatifan rakaman pengguna akan dinilai dengan menggunakan algoritma input audio yang dibina dalam microsite. Rakaman yang paling kreatif akan dipilih sebagai pemenang oleh pihak Penganjur.

Kriteria Kelayakan

1. Para peserta boleh menghantar seberapa banyak rakaman penyertaan yang diinginkan. Setiap pembelian yang dibuat pada 1 hingga 29 Mei 2018 untuk 1 unit Listerine Mouthwash dalam mana-mana varian (saiz 250ml/750ml) layak untuk 1 penyertaan.

2. Hanya pemenang-pemenang (termasuk Hadiah Utama, Ke-2,Ke-3 dan Hadiah Sagu Hati & Hadiah Mingguan) perlu menunjukkan gambar resit sebagai bukti pembelian.
3. Para peserta hanya boleh menghantar rakaman mereka melalui laman web microsite: HaruMeter.com.
4. Rakaman yang mengandungi unsur-unsur lucah, ganas, menfitnah, berpolitik dan merangsang/menggalakkan aktiviti yang melanggar undang-undang atau membangkitkan sebarang sensitiviti tidak akan dipaparkan di galeri dan akan dibatalkan kelayakannya.

Cara Penyertaan

- 1) Log masuk dengan akaun facebook.
- 2) Lafazkan dan rakam ayat-ayat yang dipaparkan pada halaman microsite secara kreatif (berpuisi/menyanyi/lain-lain).
- 3) Dapatkan skor selepas rakaman dan klik hantar untuk sertai peraduan.
- 4) Skor dan rakaman tersebut akan dihantar ke Penganjur untuk ditapis dan diluluskan.
- 5) Kongsi skor dan pos mengenai Peraduan Listerine Harum Meter 2018 di akaun facebook.

Proses Pemilihan Pemenang

Pemenang Mingguan

1. Setiap minggu, 50 rakaman dengan markah tertinggi dalam leaderboard (papan skor) akan dipilih sebagai pemenang hadiah mingguan.
2. Setiap peserta hanya layak memenangi hadiah mingguan sekali dalam masa seminggu sahaja.
3. Nama seterusnya (skor tertinggi ke-51 dan sebagainya) akan dipilih jikalau ada pemenang yang sama berulang dalam top 20.

Pemenang Hadiah Utama, Ke-2,Ke-3 dan Hadiah Sagu Hati

1. Pemenang Hadiah Utama, Hadiah Ke-2, Hadiah Ke-3 dan Hadiah Sagu Hati akan dipilih daripada kalangan peserta-peserta peraduan.
2. Pemenang-pemenang mingguan turut layak memenangi hadiah utama, ke-2, ke-3 dan sagu hati.

Hadiah, Pengumuman dan Tuntutan Hadiah

- 1. Senarai pendek pemenang-pemenang mingguan akan diumumkan pada akhir setiap minggu (minggu 1 sehingga minggu 4 sepanjang Tempoh Peraduan).**
- 2. Pemenang Hadiah Utama, Hadiah Ke-2, Hadiah Ke-3 dan Hadiah Sagu Hati hanya akan diumumkan selepas tamat peraduan ini.**
- 3. Peserta dikehendaki melawati laman fb Listerine Malaysia untuk pengumuman nama pemenang.**
- 4. Pemenang-pemenang dikehendaki berkongsi bukti pembelian yang sah (sekurang-kurangnya 1 botol Listerine Mouthwash 250ml atau 750ml) dan berikan maklumat perhubungan mereka (nama, IC, nombor telefon dan alamat e-mel) dalam masa 7 hari dari tarikh pengumuman melalui '*PM/Private Message*' di laman facebook Listerine Malaysia.**
- 5. Pihak penganjur akan menghubungi pemenang-pemenang untuk langkah seterusnya.**
- 6. Hadiah akan dibatalkan jikalau pemenang gagal memberi sebarang maklumbalas dalam masa 7 hari selepas pengumuman pemenang.**

Hadiah Utama:

1 X Pakej masuk Legoland dan penginapan hotel Legoland 3 hari 2 malam untuk 2 dewasa dan 2 kanak-kanak (di bawah umur 12). *Tidak termasuk perjalanan ke Legoland.

Dan produk Listerine bernilai RM500

Hadiah Nombor Ke-2

2 X Pas masuk tanpa had satu tahun untuk 4 dewasa ke Taman Tema Sunway Lagoon dan produk Listerine bernilai RM300.

Hadiah Nombor Ke-3

5 X Kad Hadiah Harvey Norman bernilai RM500 dan produk Listerine bernilai RM100.

Hadiah Sagu Hati

150 X Baucar membeli-belah bernilai RM150 dan Produk Listerine bernilai RM50.

Hadiah Mingguan:

200 (50 seminggu) X Kad hadiah Starbucks bernilai RM30.

Hak Pihak Penganjur

- 1. Pihak Penganjur berhak untuk menggantikan mana-mana hadiah dengan hadiah-hadiah lain yang sama nilainya tanpa sebarang notis terdahulu. Semua hadiah tidak boleh ditukar milik, tidak boleh dikembalikan dan tidak boleh ditukar untuk wang tunai. Nilai hadiah adalah betul pada masa pencetakan. Semua hadiah diberikan dalam 'keadaan sedia ada'.**
- 2. Penerimaan hadiah bermaksud keizinan diberikan kepada pihak Penganjur dan agensi-agensinya untuk menggunakan nama dan/atau gambar pemenang untuk tujuan publisiti, pengiklanan dan/atau perdagangan tanpa sebarang bayaran pampasan atau notis.**
- 3. Dengan menyertai Peraduan ini, para peserta bersetuju untuk mengikuti semua Terma & Syarat serta segala keputusan Pihak Penganjur.**
- 4. Pihak Penganjur berhak untuk meminda, membatalkan atau menarik balik terma-terma Peraduan tanpa sebarang notis lanjut. Keputusan pihak Penganjur dan para pengadil dalam apa jua aspek mengenai Peraduan ini, termasuk penentuan para pemenang, adalah muktamad. Sebarang pertanyaan mengenai proses pemilihan pemenang tidak akan dilayan.**
- 5. Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab ke atas penyertaan yang hilang, lewat, tersalah hantar, rosak atau tidak dihantar. Penyertaan yang tidak lengkap dan/atau sukar difahami akan dibatalkan.**
- 6. Penganjur dan entitinya serta agensinya tidak bertanggungjawab dan tidak menanggung liabiliti bagi apa-apa kemalangan, bahaya, kerosakan, kerugian (termasuk tetapi tidak terhad kepada kerugian langsung dan tidak langsung) atau caj, kecederaan, keadaan tidak diduga dan sebarang kesulitan atau apa-apa liabiliti lain dalam apa jua bentuk yang timbul menerusi penyertaan dalam Peraduan ini atau berhubung dengan penunaian sebarang hadiah, atau bagi sebarang perubahan tarikh atau masa atau pembatalan yang mungkin menyebabkan pemenang terpilih tidak dapat mengambil hadiah asal yang ditawarkan atau mana-mana bahagian hadiah, atau bagi hadiah yang hilang atau dicuri.**

7. Peserta melepaskan Penganjur serta bahagian, sekutu, anak syarikat, cawangan, pengarah, pegawai, kakitangan dan ejennya dan juga pihak lain yang dikaitkan dengan penganjuran dan pelaksanaan Peraduan ini, daripada dan terhadap sebarang liabiliti berkaitan dengan atau dalam apa jua cara timbul daripada Peraduan dan pemberian dan penggunaan, salah guna atau pemilikan hadiah, termasuk sebarang liabiliti bagi kecederaan peribadi atau kematian kecuali yang dilarang atau disekat di bawah undang-undang.

Notis Privasi

Pihak Penganjur mengumpulkan maklumat peribadi anda (termasuk foto, imej, rakaman video atau audio anda, secara kolektif dirujuk sebagai "Rakaman") untuk membolehkan anda menyertai Peraduan ini dan untuk tujuan pentadbiran yang berkaitan. Jika anda tidak memberi kami maklumat ini, anda tidak dapat menyertai Peraduan ini. Tertakluk kepada beberapa pengecualian yang dibenarkan di bawah undang-undang, anda boleh mendapatkan akses kepada maklumat peribadi anda yang berada dalam simpanan kami. Jika akses tidak diberikan, sebab akan dinyatakan. Maklumat peribadi anda akan dimusnahkan dengan sempurna selepas tempoh penyimpanan berkanun atau tempoh lain luput. Dengan menyertai peraduan ini, peserta bersetuju untuk membenarkan pemprosesan maklumat peribadi anda seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini. Untuk melihat Dasar Privasi penuh kami sila klik di sini: <https://www.listerine.com.my/privacy>.